

Isu, masalah pekerja gig diselesai ikut undang-undang

BERITA HARIAN

02 MAY 2025

M/S: 4

Kuala Lumpur: Segala isu dan masalah yang disuarakan pekerja gig selama ini, akan diselesaikan menerusi Undang-Undang Pekerja Gig, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri mengakui, masih ada kekurangan terhadap beberapa aspek, yang memerlukan pembaikan, khususnya dalam menjaga kebajikan kumpulan pekerja terbabit.

“Insyallah kekurangan seperti dihadapi pekerja gig kita selesaikan menerusi Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig yang dibentangkan dalam sidang Parlimen akan datang,” katanya

dalam amanat sempena Hari Pekerja 2025 di sini semalam.

Terdahulu dalam ucapan aluan di majlis itu, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata draf RUU Pekerja Gig sudah siap sedia untuk dibentangkan, dibuat selepas sesi libat urus dilaksanakan dengan lebih 3,000 pekerja.

“Jangan halang kerajaan bela nasib pekerja gig, berilah sokongan kerajaan bentangkan RUU Pekerja Gig pada sidang (Parlimen) akan datang,” katanya.

Dalam pada itu, Sim berkata, buat kali pertama dalam sejarah upah penengah bulanan rakyat

melempi nilai ambang RM3,000, meningkat daripada RM2,700 kepada RM3,045 sebulan.

Kerajaan dengar keluhan

Beliau berkata, RUU Pekerja Gig diusahakan kerana kerajaan mendengar keluhan kelompok pekerja terbabit yang sudah bertahun-tahun diberi janji manis.

“Di bawah kepemimpinan Datuk Seri Anwar, kerajaan akhirnya sudah menyiapkan draf RUU Pekerja Gig yang bersejarah.

“KESUMA membuat kajian, konsultasi, sesi libat urus, menerima input dalam talian, me-

ngadakan *town hall* mega dan sudah 3,000 pemegang taruh dirujuk,” katanya.

Beliau berkata, KESUMA tidak akan berkompromi dalam usaha mendukung hak pekerja.

“Kami akan *go all out* untuk melindungi pekerja kita. Apa pun yang terjadi, kami akan melindungi pekerja kami walaupun apapun berlaku.

“KESUMA berpegang kepada prinsip ekuiti yang ditetapkan oleh Mahkamah Perusahaan Malaysia, waima di kala pandemik melanda, kegawatan ekonomi dan iklim perniagaan tidak harus dijadikan alasan untuk me-

nindas pekerja,” katanya.

Pada Mac lalu juga, Steven Sim mendedahkan liputan perlindungan sosial dalam kalangan pekerja gig disifatkan masih rendah apabila sekadar mencatatkan 26 peratus berbanding 1.16 juta individu yang bekerja dalam sektor itu di seluruh negara.

Gabungan E-Hailing Malaysia (GEM) dalam kenyataan sebelum ini juga memohon kerajaan supaya melaksanakan penyelesaian jangka panjang dalam usaha memastikan isu kebajikan, tugas dan kesihatan mental pemandu e-hailing serta p-hailing ini diatasi segera.